

ANALISIS KAEDAH BAYARAN ZAKAT HARTA OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

MOHD FAISOL IBRAHIM
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kaedah bayaran zakat harta yang ditawarkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Kajian ini membuat penilaian terhadap kaedah pembayaran zakat yang telah dilaksanakan oleh semua institusi zakat negeri. Kajian mendapati bahawa terdapat ketidakseragaman kaedah-kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi zakat termasuk institusi zakat yang dikorporatkan dan institusi zakat yang tidak dikorporatkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji punca ketidakselarasan kaedah-kaedah bayaran zakat oleh semua institusi

negeri dan menganalisis hubungan yang wujud antara kaedah-kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi-institusi zakat negeri dengan jumlah kutipan zakat yang diperolehi oleh sebuah institusi zakat negeri. Kajian yang dilakukan ini menggunakan metode kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan sahaja. Oleh itu, keseragaman kaedah-kaedah yang disediakan untuk pembayar zakat oleh institusi zakat negeri perlu dilaksanakan supaya mampu memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di masa hadapan.

Kata kunci: Zakat, kaedah bayaran zakat, bayaran zakat; institusi zakat

AN ANALYSIS OF ZAKAT PAYMENT METHODS THROUGH ZAKAT INSTITUTIONS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study analyzes the method of zakat property payment offered by zakat institutions in Malaysia. The study implies that there are non-uniformity in zakat payment methods offered by zakat institutions including incorporated zakat institutions and non incorporated zakat institutions. Accordingly, this study examines the causes of inconsistency in zakat payment methods by all states' zakat institutions and analyzes the relationships between zakat payment methods offered by state's zakat institutions with the total

zakat amount collected by the zakat institutions in each state. This study was conducted using qualitative methods based on library research. Thus, uniformity of zakat payment methods provided for zakat payers through state's zakat institutions need to be executed so that it can have a positive impact on increasing the number of zakat collection in future.

Keywords: Zakat, zakat payment method, zakat payment, zakat institutions

PENGENALAN

Menurut Yusuf al-Qaradawi (1981), Wahbah Al-Zuhaili (1994) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001) zakat dari segi syarak ialah sesuatu hak yang wajib pada sesuatu harta untuk dikeluarkan kepada orang yang berhak mendapatkan kanya Ini bermaksud sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya iaitu golongan tertentu (*asnaf*) sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran dan lafaz zakat juga digunakan terhadap bahagian tertentu yang dikeluarkan dari harta orang yang wajib mengeluarkan zakat. Zakat juga berhubung kait dengan *tauhid*, solat dan hal harta dalam *Siyasah Syari'ah*. Di dalam Al-Quran, zakat juga disebut sebagai perkataan *sadaqah*. Menurut Afzal Ur-Rahman (1994), *sadaqah* merupakan istilah yang amat luas maknanya yang digunakan di dalam Al-Quran. *Sadaqah* bermaksud memberi derma (sukarela) kerana mematuhi hukum dan zakat juga dikatakan sebagai *sadaqah* kerana ia sejenis derma yang diwajibkan.

Sistem pengurusan zakat di Malaysia telah mula bertapak sejak era pre-kolonial lagi di mana masyarakat Islam pada ketika itu telah membayar zakat fitrah hanya kepada amil yang terdiri daripada guru-guru agama (Abdul-Wahab, Mohamed et al., 1995). Undang-undang yang wujud semasa kerajaan Islam Melaka ditubuhkan adalah bersifat tunggal di mana zakat merupakan satu bidang dalam pentadbiran negara (Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2007). Menurut Mahmood Zuhdi (2007), penjajahan British ke atas tanah Melayu telah memberi kesan negatif kepada sistem pengurusan zakat di mana undang-undang dan pentadbiran

zakat bersama semua undang-undang pentadbiran hal ehwal agama Islam telah ditolak ke sudut yang lebih sempit dan terhad. Sebelum penjajahan British ke tanah Melayu, sultan atau raja mempunyai kuasa yang tertinggi di dalam pentadbiran negeri yang merangkumi penguatkuasaan undang-undang Islam (termasuk zakat). Namun dengan dasar pecah dan perintah oleh British ke atas tanah Melayu telah menyebabkan kuasa sultan atau raja mula dikurangkan dan mereka hanya berkuasa kepada undang-undang Islam sahaja dan bukan lagi pentadbir negeri. Ini secara tidak langsung menyebabkan sistem pengurusan zakat di Malaysia mula mengalami kelelesetan disebabkan bidang undang-undang berkaitan Islam mula dihadkan. Ini akhirnya telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman kutipan dan agihan zakat. Dalam erti kata lain, masyarakat Islam cuba dipisahkan oleh sistem kehidupan konvensional yang meminggirkan sistem ekonomi Islam (Mohd Faisol, 2015).

Sungguhpun demikian, usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan di Malaysia bagi memartabatkan kembali sistem zakat telah membawa hasil walaupun mengambil masa berdekad lamanya. Ini terbukti apabila kerajaan Malaysia melalui penubuhan JAKIM, YAPEIM, JAWHAR dan beberapa lagi agensi lain telah membantu pengurusan zakat negeri (Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2007) agar dapat meningkatkan lagi kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Di Malaysia, semua negeri mempunyai institusi zakat masing-masing yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat. Ketidakselarasan ini juga amat merugikan masyarakat Islam khususnya bakal penerima-penerima zakat kerana kepelbagaian kaedah bayaran zakat khususnya melalui penswastaan kutipan

zakat akan memberi kesan kepada peningkatan kutipan zakat (Md Zyadi & Mariani, 1999). Menurut Ahmad Hidayat & Saidatul (2014) meskipun berlaku peningkatan yang positif mengenai hasil pungutan zakat setiap tahun, namun jumlah kutipan tidak sampai kepada tahap yang memuaskan malah dikatakan tidak stabil. Maka kerjasama antara institusi zakat dengan pihak bank sangat penting kerana peranan yang dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam membantu meningkatkan hasil kutipan zakat di setiap institusi zakat negeri di Malaysia adalah begitu besar (Mohd Faisol, 2013). Menurut Hasan & Ezani (2006) pula menyarankan agar institusi zakat tidak cukup hanya diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip tradisional tetapi lebih dari itu bagi mencapai tahap profesionalisme institusi zakat. Pengurusan zakat pada masa kini juga memerlukan pengurus yang mempunyai ilmu-ilmu lain seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya mampu meningkatkan profesionalisme pengurusan zakat, meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan meningkatkan lagi dana zakat (Hairunnizam Wahid et al., 2009).

Oleh itu, ketidakselarasan perkhidmatan kaedah bayaran zakat ini perlu diselaraskan di setiap institusi zakat negeri agar para pembayar zakat mempunyai pilihan yang pelbagai bagi menunaikan kewajipan berzakat. Ini kerana para pembayar zakat mempunyai pelbagai kekangan seperti kekangan masa, kekangan tempat lokasi, kekangan kaunter zakat, kekangan jarak dan pelbagai lagi.

Pada hari ini Malaysia mempunyai 16 buah institusi perbank Islam dan juga tiga buah institusi Pembangunan Kewangan yang menjalankan pengurusan perbankan ber-

dasarkan Syariah (Bank Negara Malaysia, 2016), manakala 14 buah institusi zakat negeri bertanggungjawab menjalankan pengurusan zakat (JAWHAR, 2013). Daripada 16 buah bank Islam yang wujud di Malaysia hanya 14 buah bank sahaja berjaya menjalinkan kerjasama dengan institusi zakat negeri bagi urusan kutipan dan bayaran zakat. Manakala bagi institusi Pembangunan Kewangan di Malaysia hanya tiga buah sahaja institusi yang menjalinkan kerjasama dengan institusi zakat negeri bagi urusan kutipan dan bayaran zakat iaitu Bank Simpanan Nasional, AgroBank dan Bank Kerjasama Rakyat. Ini menunjukkan terdapat 19 institusi yang berkaitan dengan perbankan Syariah di Malaysia yang telah menjalinkan kerjasama dengan institusi zakat.

Walaupun terdapat 19 buah institusi yang berkaitan dengan perbankan Syariah di Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan institusi zakat negeri, tetapi wujud ketidakselarasan kaedah bayaran zakat oleh pembayar-pembayar zakat kepada institusi zakat masing-masing. Ketidak-selarasan ini berlaku kerana transformasi sistem pengurusan zakat negeri-negeri di Malaysia. Di Malaysia, kedapatan 11 kaedah bayaran zakat telah disediakan oleh institusi zakat negeri kepada masyarakat Islam bagi kemudahan membayar zakat mereka di mana kaedah-kaedah ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu institusi zakat sendiri, institusi perbankan Islam dan lain-lain institusi.

Bagi bayaran zakat melalui institusi zakat negeri, terdapat satu kaedah ditawarkan iaitu bayaran di kaunter zakat. Manakala bayaran zakat melalui institusi perbankan Islam, terdapat tujuh kaedah ditawarkan iaitu bayaran melalui perkhidmatan atas

Jadual 1:

Senarai institusi perbankan Islam yang menjalankan kerjasama dengan institusi zakat bagi menawarkan perkhidmatan bayaran zakat kepada pelanggan

| BANK | |
|------|---|
| 1. | Bank Islam Malaysia Berhad |
| 2. | Bank Muamalat Malaysia Berhad |
| 3. | Cimb Islamic Bank Berhad |
| 4. | Maybank Islamic Berhad |
| 5. | AmlIslamic Bank Berhad |
| 6. | Asian Finance Bank Berhad |
| 7. | RHB Islamic Bank Berhad |
| 8. | Public Islamic Bank Berhad |
| 9. | Standard Chatered Saadiq Berhad |
| 10. | Affin Islamic Bank Berhad |
| 11. | HSBC Amanah Malaysia Berhad |
| 12. | OCBC Al-Amin Bank Berhad |
| 13. | Hong Leong Islamic Bank Berhad |
| 14. | Kuwait Finance House Malaysia Berhad |
| 15. | Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad |
| 16. | Alliance Islamic Bank Berhad |
| 17. | Bank Simpanan Nasional Berhad |
| 18. | Agro Bank Berhad |
| 19. | Bank Kerjasama Rakyat Berhad |

Sumber: Laman web institusi-institusi zakat negeri 2015

talian, bayaran di kaunter bank, bayaran melalui kad kredit, bayaran melalui cek atau draf bank atau kiriman wang, bayaran melalui perbankan telefon, bayaran melalui khidmat pesanan ringkas (sms) dan juga bayaran melalui *Auto Teller Machine* (ATM). Bagi bayaran zakat melalui lain-lain institusi terdapat tiga kaedah ditawarkan iaitu bayaran melalui skim potongan gaji oleh majikan, bayaran melalui kaunter zakat di Institut Pengajian Tinggi dan bayaran zakat melalui pejabat pos.

Walaupun begitu, tidak semua institusi zakat negeri menawarkan ketiga-tiga bahagian kaedah bayaran zakat itu. Ada sebilangan yang fokus kepada kerjasama dengan institusi perbankan Islam seperti PPZ

dan LZS, ada yang yakin dengan kemampuan institusi zakat itu sendiri mengutip zakat seperti Pusat Zakat Melaka dan ada yang melihat bahawa bantuan institusi seperti Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta juga penting bagi meningkatkan bayaran dan kutipan zakat seperti LZS dan MAIDAP. Maka kepelbagaiannya yang wujud ini telah menimbulkan satu fenomena ketidak-selaras kaedah bayaran dan kutipan zakat di Malaysia yang sedikit sebanyak turut mempengaruhi jumlah kutipan zakat di Malaysia. Jika dilihat kepada semua kaedah bayaran dan kutipan zakat ini, semua negeri mempunyai keupayaan melakukannya kerana suasana persekitaran adalah hampir sama walaupun latar belakang ekonomi sesebuah negeri adalah berbeza.

Zakat secara umum boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta di mana Zakat Fitrah merupakan zakat peribadi yang juga dikenali sebagai Zakat Badan, atau Cukai Kepala atau pun Zakat Ramadhan yang tujuannya untuk menyucikan jiwa orang-orang yang berpuasa Ramadhan. Zakat Harta pula zakat yang merupakan kadar tertentu dari pemilikan harta tertentu melalui syarat tertentu yang terdiri daripada Zakat Emas, Zakat Wang Simpanan, Zakat pendapatan, Zakat Ternakan, Zakat Saham, Zakat Perniagaan, Zakat Tanaman dan Zakat Simpanan KWSP di mana pembayaran dibuat dengan kadar tertentu (2.5% atau sebaliknya) bergantung kepada jenis harta iaitu harta tetap atau harta berubah yang diserah kepada pihak berkuasa yang mengutip zakat (Mohd Faisol & Suhaina, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi, laporan tahunan institusi zakat negeri dan juga laman web setiap institusi zakat negeri serta Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAKIM). Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran zakat di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual ringkas yang dilakukan melalui telefon terhadap wakil daripada institusi zakat negeri tertentu

bagi mengetahui faktor lain yang turut mempengaruhi ketidakselarasan kutipan zakat di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Sehingga artikel ini ditulis, belum terdapat lagi kajian-kajian lepas yang mengkaji secara khusus metodologi bayaran dan kutipan zakat harta di Malaysia. Kajian berkaitan dengan metodologi bayaran dan kutipan zakat harta di Malaysia oleh institusi zakat adalah sesuatu yang baharu dan signifikan lebih-lebih lagi dunia sekarang berada di dalam era ledakan teknologi maklumat yang tiada batasnya. Atas dasar itulah, penulis merasakan keperluan kepada kajian tersebut bagi merungkaikan sejauh mana penggunaan kemudahan teknologi ini digunakan dalam proses bayaran dan kutipan zakat harta di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang penggunaan teknologi dalam kaedah kutipan zakat di Malaysia antaranya Shawal Kaslam (2009) mendapati bahawa e-Zakat telah muncul sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi yang berdaya saing moden zakat. e-Zakat adalah media dalam talian yang digunakan untuk menyokong cara-cara organisasi zakat menyampaikan perkhidmatan, terutamanya dalam pengumpulan dan pengagihan dana zakat kepada penerima zakat. Pandangan ini disokong oleh Md. Shahnur Azad Chowdhury (2013) yang mendapati penggunaan aplikasi atas talian dapat mengurangkan masalah ketirisan atau kebocoran dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Ini penting bagi meningkatkan keyakinan pembayar zakat di Malaysia agar membayar zakat melalui kaedah atas talian.

Walaupun zakat merupakan alat pengagihan kekayaan dalam ekonomi Islam, namun masyarakat Islam di Malaysia masih lagi kurang membayar zakat kerana mereka masih mempersoalkan proses agihan zakat serta di mana wang zakat ini diaghikkan (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader 2009). Ini telah menyebabkan terdapat segolongan pembayar zakat di Malaysia lebih cenderung menggunakan kaedah lama iaitu berminat membayar zakat secara terus kepada asnaf yang layak berbanding membayar di institusi zakat itu sendiri (Sanep et al. (2006).

Kajian yang dilakukan oleh Fidlizan et al. (2012) pula menyatakan peningkatan yang ditunjukkan dalam jumlah kutipan zakat di PPZ adalah hasil inisiatif yang diusahakan oleh PPZ-MAIWP melalui Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Korporat yang berperanan untuk mengkaji, menganalisa dan membuat cadangan kepada pengurusan berkenaan sebarang perancangan pembangunan, aktiviti-aktiviti baru serta penambahan dan pengenalan kaedah pembayaran zakat terbaharu seperti kaedah potongan gaji, perbankan internet dan ATM.

Selain itu, menurut Muhammad Syukri Salleh (2006), jumlah kutipan melalui kaunter zakat dapat dipergiatkan khususnya di kawasan-kawasan yang kurang kemudahan dan sebagainya. Ini amat bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh PPZ melalui usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi meningkatkan kutipan zakat melalui kepelbagaiannya saluran penerimaan pembayaran zakat yang berinovatif serta penambahbaikan berterusan yang mampu memudahkan para pembayar zakat menunaikan ke-

wajipan mereka seperti mewujudkan saluran-saluran bayaran baharu antaranya ialah saluran potongan gaji, kaunter bank, kaunter pejabat pos, kaunter pelbagai ejen dilantik, internet portal dan sebagainya (Muhsin Nor Paizin, 2013).

Kepelbagaiannya kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012). Pandangan ini amat bertepatan dengan Hairunnizam et al. (2009) yang menerangkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat iaitu kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya.

Selain itu, perkhidmatan atas talian seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, bertujuan hanya untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun (Muhsin, 2014).

Rentetan itu penulis mendapati tidak terdapat lagi kajian yang membincangkan secara khusus metodologi bayaran zakat di Malaysia. Oleh itu, penulis beranggapan bahawa kajian ini penting bagi melihat isu ketidakselarasan kaedah-kaedah yang ditawarkan oleh institusi zakat negeri-negeri di Malaysia bagi meningkatkan lagi kutipan zakat dan bayaran zakat. Ini penting kerana zakat merupakan pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi (Zarina Kadri et al., 2012).

ANALISIS METODOLOGI BAYARAN ZAKAT DAN KUTIPAN ZAKAT HARTA DI MALAYSIA

Jadual 2:

Kaedah bayaran zakat dan kutipan zakat oleh institusi zakat negeri di Malaysia Tahun 2014

| Negeri | S P G | P I | K P | K B | K K | K I | C/WP /DB/ KW | K P Z | P T | S M S | A T M | Jumlah Kutipan (RM) |
|------------|-------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------------------|-------------|--------|-------------|-------------|---------------------------|
| PPZ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 538,580,526.00 |
| LZS | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 582,120,473.00 |
| ZPP | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | - | 87,936,653.80 |
| PKZP | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | - | ✓ | 109,325,106.94 |
| PZNS | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | 88,200,428.43 |
| PZM | ✓ | ✓ | - | - | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | 58,280,964.16 |
| BMS | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | - | ✓ | - | - | ✓ | 67,319,511.00 |
| PZS | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ | - | - | - | 52,829,145.28 |
| LZK | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | - | - | 128,400,303.04 |
| BMP | ✓ | n.a | n.a | n.a | n.a | n.a | n.a | ✓ | n.a | n.a | n.a | 162,327,654.00 |
| MAIDAP | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | ✓ | - | - | - | 114,588,531.29 |
| MAIDAIMK | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | 133,321,295.88 |
| PUZMAIDAMT | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | - | - | - | 120,116,379.60 |
| MAIJ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | - | - | ✓ | ✓ | - | - | - | 211,218,871.25 |

Sumber: Data diperolehi daripada JAWHAR, 2015 dan laman sesawang institusi zakat negeri 2015

| | | | |
|------------|---------------------------------------|------------|--|
| n.a | : Data tidak diperolehi | PPZ | : Pusat Pengutan Zakat Wilayah Persekutuan |
| SPG | : Skim potongan gaji | LZS | : Lembaga Zakat Selangor |
| PI | : Perbankan internet | ZPP | : Zakat Pulau Pinang |
| KP | : Kaunter pos | PKZP | : Pusat Kutipan Zakat Pahang |
| KB | : Kaunter bank | PZNS | : Pusat Zakat Negeri Sembilan |
| KK | : Kad kredit | PZM | : Pusat Zakat Negeri Melaka |
| KI | : Kaunter IPT | BMS | : Baitulmal Sarawak |
| KPZ | : Kaunter pusat zakat | PZS | : Pusat Zakat Sabah |
| PT | : Perbankan telefon | LZK | : Lembaga Zakat Kedah |
| SMS | : Khidmat Pesanan Ringkas | BMP | : Baitulmal Perlis |
| ATM | : Auto Teller Machine | MAIDAP | : Majlis Agama Islam dan Adat Perak |
| C/WP/DB/KW | : Cek/wang pos/draf bank/kiriman wang | MAIDAIMK | : Majlis Agama Islam dan Adat Islam Melayu Kelantan |
| | | MAIJ | : Majlis Agama Islam Johor |
| | | PUZMAIDAMT | : Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu |

Berdasarkan kaedah-kaedah bayaran zakat di atas, ternyata peranan yang dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia adalah begitu besar di mana sektor ini menawarkan tujuh kaedah bayaran zakat kepada masyarakat Islam berbanding institusi zakat itu sendiri yang hanya menawarkan satu kaedah sahaja.

Hasil analisis mendapati wujudnya 11 kaedah bagi pembayar zakat menjelaskan bayaran zakat mereka dengan institusi zakat negeri. Kaedah bayaran zakat yang paling banyak ditawarkan oleh institusi-institusi zakat negeri di Malaysia ialah kaedah bayaran zakat menggunakan kaedah bayaran zakat di kaunter-kaunter institusi zakat negeri.

Ini terbukti apabila semua institusi-institusi zakat negeri di Malaysia menawarkan kaedah ini. Ini diikuti pula oleh kaedah bayaran zakat menggunakan perkhidmatan skim potongan gaji dan perbankan internet di mana semua institusi zakat negeri menawarkannya kecuali negeri Perlis. Selain itu perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kaunter pos dan kaunter bank juga ditawarkan oleh semua institusi zakat negeri kecuali Pusat Zakat Melaka bagi kaunter pos dan Pusat Zakat Melaka serta Pusat Zakat Sabah bagi perbankan internet.

Bagi perkhidmatan bayaran zakat yang paling sedikit ditawarkan oleh institusi zakat negeri-negeri di Malaysia kepada masyarakat Islam ialah perkhidmatan bayaran zakat menggunakan perbankan telefon, kaunter IPT, SMS dan cek/wangpos/draf bank ataupun kiriman wang. Ini terbukti di mana hanya dua buah institusi zakat negeri sahaja di Malaysia yang menyediakan perbankan telefon, tiga buah institusi zakat negeri sahaja di Malaysia yang menjalinkan kerjasama dengan IPT bagi menyediakan khidmat kaunter zakat sepenuhnya, tiga buah institusi zakat negeri sahaja di Malaysia yang menawarkan bayaran zakat menggunakan perkhidmatan SMS dan lima institusi zakat negeri sahaja yang menyediakan perkhidmatan ATM.

Hasil kajian di atas mendapati bahawa negeri Selangor melalui LZS merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai bilangan kaedah bayaran terbanyak dan juga nilai kutipan zakat tertinggi berbanding institusi zakat negeri lain iaitu 11 kaedah bayaran zakat dan kutipan RM582 juta. Ini diikuti PPZ, LZK, PKZP dan MAIDAMP di mana masing-masing ialah 10 kaedah bayaran dan kutipan RM538 juta, tujuh kaedah bayaran dan kutipan RM128 juta,

tujuh kaedah bayaran dan kutipan RM109 juta dan tujuh kaedah bayaran dan kutipan RM114 juta.

Hasil analisis di atas juga mendapati bahawa negeri Perlis melalui BMP merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai bilangan kaedah bayaran sedikit tetapi nilai kutipan zakat antara yang tertinggi iaitu dua kaedah bayaran zakat dan kutipan RM162 juta. Ini diikuti PZM, PZS dan ZPP di mana masing-masing ialah empat kaedah bayaran dan kutipan RM58 juta, lima kaedah bayaran dan kutipan RM52 juta dan lima kaedah bayaran dan kutipan RM87 juta.

Pihak institusi zakat yang diper tanggungjawab dalam hal urusan zakat ini perlu senantiasa memperbaiki tahap perkhidmatan mereka kerana faktor utama yang mempengaruhi individu membayar zakat secara formal adalah mengenai kepuasan tentang agihan dan kecekapan pengurusan zakat.

Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kaedah-kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi zakat negeri di Malaysia. Hal ini juga membuktikan bahawa perbezaan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh setiap institusi zakat negeri akan mewujudkan perbezaan dalam jumlah kutipan zakat di negeri masing-masing. Pihak institusi zakat yang diper tanggungjawab dalam hal urusan zakat ini perlu senantiasa memperbaiki tahap perkhidmatan mereka kerana faktor utama yang mempengaruhi individu membayar zakat secara formal adalah mengenai kepuasan tentang agihan dan kecekapan pengurusan zakat (Sanep et al. 2006).

Di samping itu, kajian di atas juga menunjukkan bahawa institusi zakat di Wilayah Persekutuan walaupun mempunyai bilangan kaedah bayaran zakat yang kurang sedikit berbanding LZS, tetapi kutipan zakatnya adalah hampir menyamai kutipan zakat negeri Selangor. Ini adalah kerana kedudukan institusi zakat di Wilayah Persekutuan yang berada di kawasan kota metropolitan yang penuh dengan pejabat pentadbiran utama sama ada syarikat kerajaan ataupun swasta serta kepadatan pekerja menjadi penyumbang utama kepada kutipan zakat yang tinggi. Ini kerana lebih 60 peratus daripada kutipan zakat datang daripada zakat pendapatan serta 55.96 peratus kutipan zakat pendapatan ini adalah melalui skim potongan gaji pekerja (Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012).

Selain itu juga, statistik di atas juga memperjelaskan bahawa beberapa institusi zakat yang mengalami pengkorporatan pengurusan masih tidak mampu menyumbang kepada jumlah kutipan yang tinggi seperti negeri Sabah, Sarawak dan juga Pulau Pinang. Sebaliknya terdapat beberapa institusi zakat negeri yang belum dikorporatkan masih mampu mengutip kutipan zakat yang tinggi seperti negeri Johor, Terengganu dan Kedah. Perbezaan jumlah kutipan zakat membuktikan bahawa pengkorporatan sebuah institusi zakat bukan penyumbang utama kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di Malaysia (Sanep et al., 2006).

Selain itu statistik di atas juga menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh beberapa institusi zakat negeri berbanding dengan institusi zakat negeri yang lain di Malaysia. Hal ini juga mem-

buktikan bahawa perbezaan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh setiap institusi zakat negeri akan mewujudkan perbezaan dalam jumlah kutipan zakat di masa hadapan oleh negeri masing-masing. Ini kerana kepelbagaian kaedah bayaran dan kutipan zakat akan meningkatkan kutipan zakat negeri (Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012).

Jelas membuktikan bahawa wujud ketidak selarasan kaedah bayaran dan kutipan zakat di setiap negeri-negeri di Malaysia. Ketidakselarasan ini bukan sahaja berlaku di kalangan institusi zakat yang dikorporatkan tetapi juga kepada institusi zakat yang tidak dikorporatkan. Menurut Ridzuan Ahmad (Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah) jumlah kutipan zakat mungkin akan mengalami peningkatan sekiranya institusi zakat negeri menyelaraskan kaedah kutipan zakat tetapi tidak merangkumi semua kaedah kutipan zakat.

PUNCA KETIDAKSELARASAN KAEADAH BAYARAN DAN KUTIPAN ZAKAT

Kurang Kerjasama antara Institusi Zakat Negeri dengan semua Bank-Bank Islam di Malaysia

Perkembangan yang pesat di dalam sektor perbankan Islam seharusnya dimanfaatkan oleh institusi zakat negeri agar lebih berdaya saing diperingkat antarabangsa. Berdasarkan analisis, tidak terdapat satu pun institusi zakat negeri yang menjalinkan hubungan dengan semua institusi perbankan Islam di Malaysia sedangkan institusi perbankan Islam ini beroperasi di setiap negeri di Malaysia. Kerjasama ini sangat penting bagi institusi zakat negeri meningkatkan jumlah kutipan melalui kaedah-kaedah bayaran zakat yang boleh

diwujudkan dengan kerjasama pihak bank-bank Islam. Ini adalah kerana institusi perbankan Islam sentiasa mencari peluang dan ruang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan menerusi teknologi bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka untuk pelanggannya. Kesempatan ini sepatutnya diambil oleh institusi zakat bagi memudahkan pelanggan bank yang beragama Islam agar dapat menunaikan kewajipan membayar zakat melalui perkhidmatan perbankan. Menurut Putera Aliif (Penolong Setiausaha Zakat Perniagaan dan Penyelidikan Pusat Zakat Sabah) menyatakan kerjasama institusi zakat dengan institusi perbankan Islam perlu diperluaskan lagi di mana perlunya pihak institusi perbankan Islam membuat promosi yang proaktif berkaitan isu pembayaran zakat di atas talian yang akan memberi kesedaran kepada pengguna tentang perkhidmatan yang ditawarkan. Ini kerana pada hari ini institusi perbankan Islam dilihat kurang mempromosikan zakat khususnya di laman sesawang institusi perbanksan Islam itu sendiri.

Ketiadaan Akta dan Ordinan ataupun Enakmen Khusus yang Mewajibkan Semua Institusi Perbankan Islam di Malaysia Perlu Menawarkan Kaunter Zakat oleh BNM

Seperti yang diketahui zakat bukan hanya terdiri daripada zakat fitrah tetapi juga meliputi zakat lain antaranya zakat pendapatan, zakat saham dan zakat perniagaan. Menurut Putera Aliiff (Penolong Setiausaha Zakat Perniagaan dan Penyelidikan Pusat Zakat Sabah) dan Ridzuan Ahmad (Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah) pada masa kini masih belum wujud Akta dan Ordinan atau Enakmen khusus yang mewajibkan semua institusi perbankan Islam menawarkan kaunter zakat. Menurut Putera Aliiff lagi institusi perbankan Islam di

Malaysia pada masa kini hanya menawarkan perkhidmatan sebagai ejen kutipan zakat sahaja setelah mendapat kerjasama daripada institusi zakat negeri. Selain itu, Ridzuan Ahmad berkata perkhidmatan zakat tersebut juga hanya dianggap sebagai nilai tambah kepada khidmat pelanggan oleh pihak bank. Ketidaaan Akta dan Ordinan ataupun Enakmen khusus yang mewajibkan semua institusi perbankan Islam di Malaysia menawarkan kaunter zakat akan terus mewujudkan ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia. Justeru, bagi memastikan ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia, maka satu akta khusus ini perlu diwujudkan dan disokong oleh pihak lain seperti pihak BNM. BNM sepatutnya memainkan peranan utama bagi penubuhan Akta Bayaran dan Kutipan Zakat 2013 sepertimana Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 bagi memastikan sistem perbankan dan kewangan Islam terus berkembang. Melalui Akta Bayaran dan Kutipan Zakat 2013 ini mungkin beberapa seksyen berkaitan kaedah bayaran zakat dan kerjasama institusi zakat dan bank boleh diperuntukkan bagi memastikan kaedah bayaran zakat sentiasa berkembang dan diseleraskan di seluruh negeri. Selain itu, Akta Bayaran dan Kutipan Zakat 2013 juga tidak harus lagi diletakkan dibawah Majlis Agama Islam Negeri sebaliknya perlu digubal dan diletakkan dibawah BNM agar institusi zakat negeri dapat memainkan peranan bersama-sama institusi perbankan Islam di Malaysia untuk dikembang ke peringkat yang lebih tinggi.

Kurangnya Kerjasama Antara Institusi Zakat Negeri Dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Walaupun diseluruh negeri-negeri di Malaysia mempunyai IPT dan juga pejabat

LHDN tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh institusi zakat negeri bagi mewujudkan kaunter bayaran zakat. Hanya sebilangan kecil sahaja institusi zakat negeri yang mengambil inisiatif mewujudkan kerjasama dengan IPT dan LHDN bagi mewujudkan kaunter khas untuk zakat. Sebenarnya kewujudan kaunter zakat di institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta dan LHDN itu sendiri akan membolehkan masyarakat Islam menggunakan kemudahan yang terdapat di sesebuah IPT dan LHDN bagi menunaikan tanggungjawabnya dan tidak perlu lagi membazir masa untuk ke institusi zakat tertentu bagi pembayaran zakat. Ini penting kerana boleh dikatakan setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai IPT dan LHDN. Justeru itu, dengan membenarkan IPT dan LHDN membuka kaunter zakat akan meningkatkan lagi kutipan zakat. Kurangnya kerjasama antara institusi zakat negeri dengan institut pengajian tinggi (IPT) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan terus mewujudkan ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia.

Kurang Kolaborasi antara Institusi Zakat di Malaysia

Kedapatan kekurangan maklumat di surat khabar ataupun media elektronik tentang kolaborasi antara institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Antaranya seperti mewujudkan MOA dan MOU antara institusi zakat yang dikorporatkan dengan institusi zakat yang tidak dikorporatkan lagi. Walau pun institusi zakat sebuah negeri belum lagi mempunyai kerjasama dengan keseluruhan bank-bank Islam, namun disebabkan institusi zakat negeri lain telahpun menjalankan kerjasama, maka perkara ini perlu dimanfaatkan oleh institusi zakat negeri terbabit seperti mewujudkan MOA dan MOU agar proses keseragaman kaedah

bayaran zakat dapat direalisasikan seterusnya meningkatkan kutipan zakat. Selain itu, institusi zakat negeri yang hanya tertumpu kepada zakat tertentu sahaja juga akan mendapat manfaat melalui kolebarasi ini kerana pelbagai idea dan pengalaman dapat dijalankan dan diterjemahkan dalam bentuk operasi pengurusan institusi zakat negeri tersebut. Kurangnya kolaborasi antara institusi zakat di Malaysia akan terus mewujudkan ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia. Menurut Putera Aliif (Penolong Setiausaha Zakat Perniagaan dan Penyelidikan Pusat Zakat Sabah) menyatakan keseragaman tidak akan boleh berlaku kerana setiap undang-undang berkaitan agama seperti Enakmen Zakat Negeri tertakluk dengan enakmen setiap negeri, kecuali jika ada satu perbincangan kertas kerja khusus peringkat awal untuk melihat konsep keseragaman tersebut yang ingin dicadangkan. Menurut beliau lagi hasil perbincangan tersebut akan di bawah ke peringkat tertinggi Majlis Agama Islam Negeri masing-masing untuk dibentangkan.

Faktor Demografi Sesebuah Institusi Zakat Negeri di Malaysia

Faktor demografi sesebuah institusi zakat negeri di Malaysia juga menjadi punca wujudnya ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia. Ada institusi zakat negeri yang terletak di sebuah negeri maju seperti LZS dan PPZ, ada institusi zakat negeri yang terletak di sebuah negeri hanya berlatarbelakangkan ekonomi pertanian seperti LZK, ada institusi zakat negeri yang terletak di sebuah negeri yang bilangan penduduk Islamnya adalah minoriti seperti ZPP dan pelbagai lagi faktor demografi seperti ekonomi, sosial, politik, tadbir urus serta infrastruktur sesebuah negeri tersebut. Kepelbagaiannya demografi ini telah mempengaruhi keputusan pengurusan institusi zakat

tentang dasar kaedah bayaran dan kutipan zakat mereka. Menurut Putera Aliiff (Penolong Setiausaha Zakat Perniagaan dan Penyelidikan Pusat Zakat Sabah) terdapat institusi zakat yang bukan hanya mengutip zakat di negeri sendiri tetapi turut mengutip zakat di negeri-negeri lain walaupun negeri lain mempunyai institusi zakat. Maka dengan itu satu kolaborasi di seluruh institusi yang melaksanakan kutipan dan agihan zakat amat perlu dilaksanakan bagi memastikan jumlah kutipan zakat di Malaysia dapat diselaraskan. Dengan itu, ia akan meningkatkan jumlah bilangan pembayar zakat dan penerima agihan zakat. Keadaan ini mungkin akan berlaku jika pengurusan institusi zakat memberi ruang dan peluang kepada proses penjenamaan semula pengurusan zakat selaras dengan perubahan masa serta perkembangan teknologi yang semakin canggih. Sejarah telah membuktikan kebanyakan institusi zakat di Malaysia yang dikorporatkan telah mengalami perubahan dalam kutipan zakat. Sebagai contoh, LZS yang kini menjadi rujukan institusi zakat luar negara kerana transformasi pengurusan zakat telah menyebabkan sistem kutipan zakat meningkat secara mendadak. Menurut Ridzuan Ahmad (Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah) menyatakan bahawa setiap institusi zakat negeri mempunyai cara tadbir urus dan pendekatan kutipan tersendiri serta keunikan tersendiri selaras dengan bidang kuasa agama zakat di bawah negeri masing-masing.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, ternyata wujud ketidakseragaman kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh

institusi zakat negeri kepada para pembayar zakat. Ketidakseragaman kaedah bayaran zakat disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran institusi zakat itu sendiri. Di samping itu, ketidakseragaman ini perlu dipandang serius oleh semua institusi kerana ia telah mewujudkan perbezaan dalam kutipan zakat yang amat ketara. Namun peranan institusi bank-bank Islam bagi membantu institusi zakat negeri di Malaysia meningkatkan kutipan zakat amat baik di mana hampir separuh daripada metodologi bayaran zakat di Malaysia adalah berasaskan daripada perkhidmatan perbankan Islam.

Peranan institusi bank-bank Islam bagi membantu institusi zakat negeri di Malaysia meningkatkan kutipan zakat amat baik di mana hampir separuh daripada metodologi bayaran zakat di Malaysia adalah berasaskan daripada perkhidmatan perbankan Islam

Jika dilihat daripada kajian juga, terdapat segelintir institusi zakat negeri yang menjalinkan hubungan dengan IPT bagi mempelbagaikan kaedah bayaran zakat manakala sebilangan besar pula tidak menjalinkan hubungan dengan IPT. Seharusnya perkara ini tidak berlaku kerana setiap negeri mempunyai IPT. Selain itu, walaupun terdapat beberapa kaedah

pembayaran secara internet dilakukan oleh pihak bank Islam namun masih lagi wujud institusi zakat yang tidak mengambil peluang ini. Usaha-usaha yang lebih proaktif antara institusi zakat dan institusi bank Islam perlu diperluaskan dan diperjelaskan secara berkesan. Bank-bank Islam juga perlu memainkan peranan sebagai medium perantaraan wang yang bukan sahaja mahu mencipta keuntungan tetapi membantu institusi-institusi zakat negeri bagi meningkatkan kutipan zakat.

Selain itu institusi zakat juga perlu mempunyai daya pengurusan yang lebih dinamik selaras dengan dasar negara yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020. Oleh itu, satu rancangan strategik jangka masa panjang perlu digubal dan diselaraskan di seluruh institusi zakat negeri-negeri di Malaysia agar sistem pengurusan zakat di Malaysia tidak lagi dipinggirkan oleh undang-undang barat sebaliknya perlu dimartabatkan setaraf atau lebih tinggi daripada undang-undang barat.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, Mohamed et al.** (1995). Malaysia: A case study of zakah management in El-Ashker and Sirajul Haq (Eds.), *Institutional Framework on Zakah: Dimensions and Implication*. Jeddah: IRTI/IDB.
- Afzal-Ur-Rahman.** (1994). *Doktrin Ekonomi Islam*. Jld III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Baitulmal Sarawak. Dicapai dari:
<http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my> pada 5 Mei 2016.
- Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said.** (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di Daerah Kota Belud Sabah. *Jurnal Sains Humanika*, 2 (1), 125-134.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Salwa Amirah Awang, & Abdul Majid Tahir Mohamed.** (2012). Kepelbagaian kaedah pungutan zakat: Analisis di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dari tahun 2003-2009. *Jurnal Syariah*, (20) 329-348.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader.** (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, (17) 1, 89-112.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub.** (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Institusi Perbankan Islam.** Dicapai dari:
<http://www.bnm.gov.my> pada 5 Mei 2016.
- Institusi Zakat Malaysia.** Dicapai dari:
<http://www.e-fatwa.gov.my> pada 5 Mei 2016.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.** (2001). *Panduan Zakat Di Malaysia*. K.Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah.** Dicapai dari:
<http://www.zakatkedah.com> pada 5 Mei 2016.
- Lembaga Zakat Selangor.** Dicapai dari:
<http://www.e-zakat.com.my> pada 5 Mei 2016.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid.** (2007). Pemantapan sistem zakat dan cukai ke arah kemajuan ekonomi ummah. Dalam *Kertas Kerja Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan* 22-24 Mei 2007. Kuala Lumpur: PWTC.
- Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perak.** Dicapai dari:
<http://www.maiamp.gov.my> pada 5 Mei 2016.
- Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis.** Dicapai dari:
<http://www.maips.gov.my/> pada 5 Mei 2016.
- Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu.** Dicapai dari:
<http://www.maidam.gov.my> pada 5 Mei 2016
- Majlis Agama Islam Johor.** Dicapai dari:
<http://www.maij.gov.my> pada 5 Mei 2016.

Majlis Agama Islam Kelantan. Dicapai dari:
<http://www.e-maik.my> pada 5 Mei 2016.

Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. (1999). *Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Dlm Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 293-306.

Md. Shahnur Azad Chowdhury, Md Musa Khan & Ms Sultana Akter. (2013). Corruption in Islamic perspective and the roles of Information and Communication Technology (ICT) to control it, *Journal of Islamic Management and Business*, 5(11), 36-43.

Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite. (2012). Zakat distribution and growth in the federal territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 4(8), 449-456.

Mohd Faisol Ibrahim & Suhaina Musani. (2010). *Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein, & Suhaina Musani. (2005). Peranan institusi bank sebagai agen kutipan dalam aktiviti bayaran zakat: Kajian ke atas Pusat Zakat Selangor. Dalam *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*. 29-30 Ogos 2005. Selangor: ESSET Bangi.

Mohd Faisol Ibrahim. (2013) Kaedah bayaran zakat menggunakan institusi perbankan di Malaysia dan kesannya ke atas jumlah kutipan zakat. *Jurnal ILIM*, (6) 89-106.

Mohd Faisol Ibrahim. (2015). *Eksklusif Zakat Pendapatan & Kaedah Pengiraan*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi zakat: Satu cadangan teoritis, zakat pensyariatan perekonomian dan perundangan (Ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir) Bangi: UKM.

Muhsin Nor Paizin. (2013). Perlaksanaan zakat di Wilayah Persekutuan: Satu pemerhatian terhadap operasi kutipan & agihan zakat. *Jurnal Hadhari*, (6), 97-111.

Muhsin Nor Paizin. (2014). Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: MALAYSIA.

Pusat Kutipan Zakat Pahang. Dicapai dari:
<http://www.zakatpahang.com> pada 5 Mei 2016.

Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2006). *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.

Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. Dicapai dari:
<http://www.zakat.com.my> pada 5 Mei 2016.

Pusat Zakat Melaka. Dicapai dari:
<http://www.izakat.com> pada 5 Mei 2016.

Pusat Zakat Negeri Sembilan. Dicapai dari:
<http://www.zakatns.com.my> pada 5 Mei 2016.

Pusat Zakat Sabah. Dicapai dari:

<http://www.zakat.sabah.gov.my> pada 5 Mei 2016.

Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad. (2011). Strategi Pembangunan Keusahawan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Agihan Bantuan Modal Zakat, *Jurnal Pengurusan*, (33), 37-44.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia, *International Journal of Management Studies*, 13 (2), 179.

Shawal Kaslam. (2009). The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia. *Paper prepared for presentation at the World Zakat Forum*. Mei 27 – 30, 2009. Indonesia: University Gajah Mada Yogyakarta.

Temu bual bersama Ustaz Putera Aliif Al'Ain bin Jasni, Penolong Setiausaha Zakat Perniagaan dan Penyelidikan, Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah bertarikh 5 September 2016.

Temu bual bersama Ustaz Ridzuan Ahmad, Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Lembaga Zakat Kedah bertarikh 5 September 2016.

Wahbah Al-Zuhaili. (1994). *Fiqh & Perundangan Islam*: Jld II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf al-Qaradhawi. (2000). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zakat Pulau Pinang. Dicapai dari:

<http://www.zakatpenang.com> pada 5 Mei 2016.

Zarina Kadri, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Noor. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi. Dalam *Kertas Kerja Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, Jld II, Perak.

Received Date: 7th April 2016
Acceptance Date: 26th September 2016